



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

MENANG KERETA MEWAH DENGAN MENYIMPAN DALAM SSPN-i PLUS

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) meraikan pemenang-pemenang utama Cabutan WOW! SSPN-i Plus 2020 yang menawarkan hadiah yang sangat lumayan iaitu sebuah kereta mewah dan wang tunai yang keseluruhannya berjumlah RM1 juta. Cabutan ini merupakan promosi tahunan PTPTN yang diadakan bagi menggalakkan penabungan dan menghargai pendeposit setia yang menyimpan dalam SSPN-i Plus.
2. Terdapat dua (2) kategori Cabutan WOW! SSPN-i Plus 2020 iaitu Cabutan Tahunan dan Cabutan Bulanan. Bagi Cabutan Tahunan, tempoh promosi bermula 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020. Pemenang Pertama akan membawa pulang kereta Mercedes Benz C200 FL AMG Line, diikuti hadiah wang tunai sebanyak RM50,000 bagi Pemenang Tempat Kedua dan RM30,000 bagi Pemenang Tempat Ketiga. Manakala 1,000 pemenang akan mendapat RM500 setiap seorang sebagai hadiah saguhati. Selain itu, bagi Cabutan Bulanan, wang tunai berjumlah RM2,020 untuk setiap pemenang ditawarkan kepada 20 pemenang pada setiap bulan bermula Julai 2020 hingga Disember 2020.
3. Majlis Cabutan WOW! SSPN-i Plus Tahunan 2020 yang diadakan di NZ Wheels, Bangsar disempurnakan oleh Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Turut hadir, Datuk Nik Hamdam bin Nik Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Automotif, NZ Wheels Sdn Bhd dan Pengurusan PTPTN.
4. Puan Sonita Sudin dari Kuantan, Pahang yang bertugas sebagai pensyarah kolej telah memenangi Tempat Pertama sekali gus membawa pulang sebuah kereta Mercedes Benz C200 FL AMG Line. Beliau mula menyimpan dalam SSPN-i Plus sejak

2018 dengan membuka akaun Pakej Intan (RM30 sebulan) untuk tiga (3) anaknya. Pemenang Tempat Kedua yang menerima wang tunai berjumlah RM50,000.00 merupakan seorang guru dari Sungai Petani, Kedah iaitu Encik Muhamad Zulfadli Adri bin Abdul Rahim. Manakala, En Lim Kee Hau dari Kuala Lumpur pula memenangi Tempat Ketiga dan membawa pulang wang tunai RM30,000.00.

5. Encik Ahmad Dasuki, Ketua Eksekutif PTPTN berkata, "Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pemenang! Alhamdulillah, sejak cabutan hadiah ini diperkenalkan pada tahun 2015, sambutan yang diterima masyarakat sangat menggalakkan. Hasilnya, SSPN-i Plus kini terus gah menjadi pelan pendidikan pilihan utama ibu bapa bagi merancang kewangan untuk pendidikan anak-anak. Sehingga Februari 2021, SSPN-i Plus mempunyai 636,496 akaun melibatkan jumlah simpanan sebanyak RM645.9 juta."

6. Sementara itu, Datuk Nik Hamdan bin Nik Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Automotif, NZ Wheels Sdn Bhd berkata, "Saya bagi pihak NZ Wheels Sdn Bhd, dan seluruh warga kerja NZ Wheels Sdn Bhd turut berbangga dengan penganjuran majlis yang bersejarah ini di ruang pameran kami. Saya dan warga kerja NZ Wheels Sdn Bhd mengucapkan setinggi tahniah buat pemenang-pemenang hadiah Cabutan WOW! SSPN-i Plus dan pemenang hadiah utama cabutan berbentuk sebuah kenderaan mewah Mercedes Benz model C200 FL AMG Line."

7. Berdasarkan sambutan yang sangat baik daripada pendeposit, PTPTN komited untuk meneruskan kempen cabutan ini pada masa akan datang bagi menarik minat golongan ibu bapa untuk memulakan simpanan dalam SSPN-i Plus sekali gus menyediakan tabung pendidikan untuk anak-anak.

8. SSPN-i Plus menyediakan pelbagai kelebihan yang sangat menarik. Antaranya pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000.00 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit sehingga RM1 juta, khairat kematian dan pemberian dividen yang sangat kompetitif. Pembukaan akaun SSPN-i Plus boleh dibuat secara atas talian di www.lovesspn.com.